

13/08/1998

PM mahu atlit beri tumpuan penuh

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu atlit negara di Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) mengetepikan semua masalah peribadi, sebaliknya memberi tumpuan sepenuhnya kepada latihan bagi mempamerkan prestasi paling cemerlang.

Menurut Perdana Menteri, oleh kerana KL '98 hanya tinggal 30 hari sahaja lagi, semua peserta mesti menjalani latihan sepanjang masa, secara teratur dan penuh disiplin.

"Kalau perlu berlatih 10 kali sehari, 10 kali kita kena berlatih. Saya harap jangan ada sesiapa yang merajuk, nak tarik diri dan kecewa.

"Jika kita berlatih, ia kerana negara kita. Diri kita tak penting. Tumpu kepada latihan dengan penuh disiplin serta patuh kepada semua arahan jurulatih dan peraturan.

"Tiada masa nak kecil hati. Jangan minta apa-apa keistimewaan. Apa yang orang lain kena buat, kita juga kena buat tanpa mengenakan apa-apa syarat," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, di sini petang ini.

Perdana Menteri kemudian menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontinjen negara, Datuk Khalid Yunus.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pemimpin serta pegawai sukan dan atlit negara. Lebih 5,000 pelajar turut memeriahkan majlis itu.

Pada majlis itu juga, Muhyiddin mengalungkan pingat emas KL '98 kepada Dr Mahathir. Selain itu, Perdana Menteri juga menerima sumbangan sebanyak RM7,760 hasil kutipan anggota kontinjen negara untuk Dana Khas Negara.

Dr Mahathir berkata, jika peserta negara tidak berlatih bersungguh-sungguh, bukan saja mereka tidak berjaya mempamerkan prestasi cemerlang, malah akan gagal dalam sukan yang selama ini dikuasai dengan baik.

"Kita hanya ada beberapa bidang saja yang mempunyai prospek untuk mendapatkan pingat. Jadi, jangan sia-siakan bidang ini," katanya.

Perdana Menteri mengakui mungkin beliau tidak dapat menonton semua atlit negara bertanding.

"Tetapi, semangat saya tetap bersama-sama anda. Seperti orang Malaysia lain, saya mahu tengok Malaysia berjaya. Sebab itu saya sebut kita mesti berlatih bersungguh-sungguh.

"Jangan jatuhkan maruah negara dengan tidak berusaha bersungguh-sungguh. Tak menang tak apa tetapi usaha mesti ada," katanya.

Perdana Menteri berkata, atlit negara mesti berjuang untuk negara, bukan untuk kaum atau orang tertentu saja.

"Siapa juga yang menang, bermakna Malaysia menang bukan orang tertentu. Bukan yang menang kaum itu atau kaum ini...yang menang rakyat Malaysia.

"Kalau kita lihat acara balapan, yang menang kebanyakannya orang kulit hitam tetapi bukan Afrika, sebaliknya mereka mewakili banyak negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Norway, Sweden dan Kanada. Mereka lari untuk negara mereka bukan warna kulit," katanya.

(END)